

## ASIA-PASIFIK

- Berpandukan bukti sedia ada, Amnesty International percaya bahawa negara China masih terus melaksanakan hukuman mati dan menjatuhkan hukuman mati ke atas beribu-ribu orang, walaupun angka yang boleh menjelaskan keadaan itu kekal diklasifikasikan sebagai rahsia negara. Begitu juga, maklumat yang sedia ada menunjukkan bahawa hukuman mati dilaksanakan dalam jumlah yang tinggi di Korea Utara dan Viet Nam, di mana kerahsiaan menjadikannya mustahil untuk dipastikan dengan tepat. Tiada pelaksanaan hukuman mati direkodkan di Jepun dan Myanmar, dua negara di mana pada tahun 2022 hukuman mati telah dilaksanakan. Kesalahan berkaitan dadah terus dihukum mati di beberapa negara.
- Malaysia memansuhkan hukuman mati mandatori bagi semua kesalahan dan membataskan skop hukuman ini; Pakistan memansuhkan hukuman mati bagi kesalahan berkaitan dadah; dan pihak berkuasa Sri Lanka menegaskan niat mereka untuk tidak melaksanakan hukuman mati.

NEGARA	2023 PELAKSANAAN HUKUMAN MATI YANG DIREKODKAN	2023 PENJATUHAN HUKUMAN MATI YANG DIREKODKAN	YANG DIKETAHUI MENJALANI HUKUMAN MATI PADA HUJUNG TAHUN 2023
AFGHANISTAN	+	+	+
BANGLADESH	5	248+	2,400+
BRUNEI DARUSSALAM	0	0	+
CHINA	+	+	+
INDIA <sup>1</sup>	0	120	561
INDONESIA	0	114+	700+
JEPUN	0	1	115
LAOS	0	4+	+
MALAYSIA	0	38+	1,275 <sup>2</sup>

<sup>1</sup> Project 39A, Hukuman Mati di India: Laporan Statistik Tahunan 2023, Januari 2023, <https://www.project39a.com/annual-statistics-report-2023> ; Amnesty International mengumpul laporan berkaitan 110 hukuman mati baharu yang dikenakan sepanjang 2023.

<sup>2</sup> Jawapan lisan kepada Parlimen, Mesyuarat ketiga, Penggal kedua Parlimen Kelima Belas, 7 November 2023, Soalan no. 11. Angka ini termasuk 906 orang yang telah menggunakan kesemua saluran rayuan undang-undang yang lazim. Maklumat rasmi yang dibentangkan kepada Parlimen pada 2024 menunjukkan bahawa sehingga 14 Februari 2024, 1,078 orang telah dijatuhkan hukuman mati, termasuk 437 warga asing. Daripada jumlah itu,

NEGARA	2023 PELAKSANAAN HUKUMAN MATI YANG DIREKODKAN	2023 PENJATUHAN HUKUMAN MATI YANG DIREKODKAN	YANG DIKETAHUI MENJALANI HUKUMAN MATI PADA HUJUNG TAHUN 2023
MALDIVES	0	1	21
MYANMAR	0	19+	100+
KOREA UTARA	+	+	+
PAKISTAN	0	102+	3,900+ <sup>3</sup>
SINGAPURA	5	6+	50+
KOREA SELATAN	0	1	62 <sup>4</sup>
SRI LANKA	0	40+	1,000+
TAIWAN	0	3	45 <sup>5</sup>
THAILAND	0	123 <sup>6</sup>	325
TONGA	0	0	0
VIET NAM	+	122+	1,200+

358 (33.2%) telah disabitkan kesalahan membunuh; 705 (65.4%) pengedaran dadah; 7 (0.6%) melancarkan perang terhadap Raja; 5 kesalahan berkaitan penculikan; dan 3 kesalahan berkaitan senjata api. Parlimen Malaysia, Mesyuarat pertama, Penggal ketiga Parliment Kelima Belas, 26 Februari hingga 27 Mac 2024, soalan bertulis no. 557.

<sup>3</sup> Amnesty International tidak menerima maklum balas terhadap permintaannya untuk mendapatkan maklumat daripada pihak berkuasa Pakistan dan angka ini adalah anggaran berdasarkan maklumat sedia ada. Menurut kiraan Justice Project Pakistan pada Oktober 2023 terdapat 6,039 banduan akhir. Justice Project Pakistan, "Death Penalty in Pakistan: Data Mapping Capital Punishment", Oktober 2023, [https://ipp.org.pk/wp-content/uploads/2023/11/JPP\\_10\\_10\\_2023\\_Death-Penalty-in-Pakistan-Data-Mapping-Capital-Punishment.pdf](https://ipp.org.pk/wp-content/uploads/2023/11/JPP_10_10_2023_Death-Penalty-in-Pakistan-Data-Mapping-Capital-Punishment.pdf)

<sup>4</sup> Termasuk 59 orang yang mana hukuman mati yang dikenakan ke atas mereka dikekalkan oleh Mahkamah Agung.

<sup>5</sup> Termasuk 37 orang yang mana hukuman mati yang dikenakan ke atas mereka dikekalkan oleh Mahkamah Agung.

<sup>6</sup> Termasuk satu hukuman mati yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tentera Pusat.

Asia-Pasifik terus menjadi rantau dengan jumlah hukuman mati tertinggi di dunia. Berdasarkan pemantauannya, Amnesty International percaya bahawa pihak berkuasa China terus melaksanakan lebih banyak hukuman mati daripada seluruh dunia digabungkan, dengan beribu-ribu orang dijatuhan hukuman mati dan yang mana hukuman mati mereka dilaksanakan pada tahun itu. Angka mengenai penggunaan hukuman mati di negara ini kekal diklasifikasikan sebagai rahsia negara, tetapi laporan terhad yang ada menunjukkan bahawa hukuman kejam ini terus digunakan untuk pelbagai kesalahan termasuk yang tidak memenuhi ambang "jenayah paling serius" yang mana hukuman mati mesti dihadkan di bawah undang-undang dan piawaian antarabangsa.

Pengumuman oleh Mahkamah Agung Rakyat Republik Rakyat China (SPC) pada Disember 2023 mengesahkan bahawa pangkalan data dalam taliannya, yang pertama kali ditubuhkan pada 2013, tidak lagi menerbitkan semua keputusan kehakiman: "Sejak Julai 2021, SPC telah mengubah suai laman web dengan menambah baik piawaian penzahiran yang memerintah, menyebabkan bilangan penghakiman yang dimuat naik dalam talian menurun kepada 5.11 juta tahun ini daripada 19.2 juta pada 2020"; platform baru untuk mengakses keputusan hanya boleh diakses oleh kakitangan mahkamah, sementara perpustakaan kes "dengan nilai rujukan" adalah terbuka kepada awam.<sup>7</sup>

Menurut penilaian Amnesty International, pendedahan separa yang direkodkan sepanjang tahun di laman web rasmi dan dalam media kerajaan mencadangkan niat pihak berkuasa China untuk menggunakan hukuman mati untuk menghantar isyarat bahawa jenayah, mahupun perbezaan pendapat, tidak akan diterima.

Antara contoh lain, media kerajaan di China mengiringi beberapa laporan mengenai hukuman mati dan pelaksanaan hukuman mati dengan ulasan bertujuan mengingatkan penduduk bahawa jenayah tertentu akan dihukum dengan keras. Sebagai contoh, pada 23 Mei, agensi media kerajaan, Xinhua melaporkan seorang pegawai SPC sebagai menyatakan: "Hukuman mati mencerminkan komitmen Mahkamah Rakyat untuk menghukum dengan tegas jenayah serangan seksual terhadap kanak-kanak bawah umur mengikut undang-undang. Ia juga berfungsi sebagai peringatan kepada kanak-kanak di bawah umur untuk meningkatkan kesedaran mereka tentang perlindungan diri, dan untuk ibu bapa, sekolah dan masyarakat untuk meningkatkan pendidikan seks untuk kanak-kanak bawah umur dan penyeliaan penggunaan internet untuk melindungi mereka daripada jenayah dalam talian".<sup>8</sup> Ketika hukuman mati untuk kesalahan berkaitan dadah – melanggar undang-undang dan piawaian antarabangsa – diteruskan, pegawai SPC mengesahkan pada sidang akhbar, menandakan Hari Dadah Sedunia yang disokong PBB pada 26 Jun, bahawa hukuman mati telah dilaksanakan dalam beberapa kes "teladan" bertujuan "menunjukkan pendirian konsisten Mahkamah Rakyat dalam menghukum jenayah dadah dengan berat mengikut undang-undang".<sup>9</sup>

Hukuman mati dengan kemungkinan peringinan selepas dua tahun yang dikenakan dalam kes rasuah berprofil tinggi yang kadangkala melibatkan bekas pegawai negeri, mendapat liputan meluas sepanjang tahun. Pihak berkuasa kelihatan menunjukkan bahawa mereka yang "menyalahgunakan kuasa" dalam

<sup>7</sup> Mahkamah Agung Rakyat (SPC) Republik Rakyat China, "SPC reaffirms dedication to improving judicial transparency", *China Daily*, 28 Disember 2023, [https://subsites.chinadaily.com.cn/supremepeoplescourt/2023-12/28/c\\_951574.htm#:~:text=Print%20Large%20Medium%20Small%20.&text=China's%20determination%20and%20efforts%20to,People's%20Court%20\(SPC\)%20said](https://subsites.chinadaily.com.cn/supremepeoplescourt/2023-12/28/c_951574.htm#:~:text=Print%20Large%20Medium%20Small%20.&text=China's%20determination%20and%20efforts%20to,People's%20Court%20(SPC)%20said).

<sup>8</sup> Xinhua, "3 men convicted of raping minors executed in China", 23 Mei 2023, [english.news.cn/20230523/c4991d34c3f749ce88ac564526d56098/c.html](http://english.news.cn/20230523/c4991d34c3f749ce88ac564526d56098/c.html)

<sup>9</sup> China Court Network, "The Supreme People's Court held a press conference on the anti-drug work of the People's Court in 2023", 26 Jun 2023, [chinacourt.org/article/detail/2023/06/id/7367307.shtml](http://chinacourt.org/article/detail/2023/06/id/7367307.shtml)

melaksanakan tugas mereka dan menyebabkan "kerugian besar kepada harta awam dan kepentingan negara dan rakyat" telah dihukum dengan keras.<sup>10</sup>

Kerahsiaan di dua negara lain juga menjelaskan penilaian Amnesty International terhadap trend di rantau ini. Organisasi itu percaya bahawa pihak berkuasa **Republik Demokratik Rakyat Korea (Korea Utara)** terus melaksanakan hukuman mati secara meluas, termasuk menghantar mesej untuk menyekat perbezaan pendapat. Walau bagaimanapun, kurangnya ketulusan dan sumber media bebas, serta akses terhad kepada negara, sekali lagi menjadikan ia mustahil bagi Amnesty International untuk mengesahkan laporan dan maklumat yang diterima mengenai penggunaan hukuman mati. Media asing melaporkan pelaksanaan hukuman mati, termasuk untuk perbuatan yang sama ada tidak memenuhi ambang "jenayah paling serius" yang mana penggunaan hukuman mati mesti dihadkan di bawah undang-undang antarabangsa, atau yang bukan merupakan kesalahan jenayah yang dikenali yang mematuhi peraturan antarabangsa undang-undang hak asasi manusia.<sup>11</sup> Pada Januari 2023 undang-undang baharu telah digubal untuk menghukum, termasuk dengan hukuman mati, mereka yang tidak menggunakan Bahasa Korea Pyongyang secara eksklusif, tanpa memberarkan pengaruh asing.<sup>12</sup>

Amnesty International percaya bahawa hukuman mati terus dikenakan dan dilaksanakan pada kadar yang berterusan, termasuk selepas perbicaraan ringkas.

Angka mengenai penggunaan hukuman mati juga kekal diklasifikasikan sebagai rahsia negara di **Viet Nam**. Maklumat terhad yang tersedia untuk Amnesty International kebanyakannya berkaitan dengan hukuman mati yang dikenakan dan dikekalkan, atau dikongsi oleh ahli keluarga dan peguam. Ia menggambarkan sebuah negara di mana hukuman mati terus dijalankan pada kadar yang berterusan, dalam hampir kerahsiaan sepenuhnya dan tanpa penelitian awam. Kesan kerahsiaan sedemikian terhadap keluarga mereka yang dihukum mati terbongkar apabila Lê Văn Mạnh dihukum mati pada 22 September 2023, selepas beliau disabitkan dan dijatuhkan hukuman mati dalam prosiding yang tidak adil, pada perbicaraan ketiganya, pada 2008.<sup>13</sup> Keluarganya menerima surat daripada pihak berkuasa beberapa hari sebelum itu, memaklumkan bahawa hukuman mati Lê Văn Mạnh telah disahkan dan meminta mereka bertemu pada 23 September untuk menerima jenazahnya. Walau bagaimanapun, surat itu tidak menunjukkan tarikh pelaksanaan hukuman mati, dan juga tidak memberikan sebarang petunjuk tentang pengaturan untuk lawatan terakhir oleh keluarga. Secara kejam, hanya apabila ahli keluarganya melapor kepada mahkamah untuk mesyuarat pada 23 September, mereka diberitahu bahawa hukuman mati Lê Văn Mạnh telah dijalankan pada hari sebelumnya.<sup>14</sup>

Amnesty International merekodkan hukuman mati di tiga negara lain di rantau ini. Pihak berkuasa *de facto* Taliban terus menjalankan pelaksanaan hukuman mati, termasuk secara terbuka, di

<sup>10</sup> Antara contoh lain, [Xinhua News](#), "Former banking regulatory official sentenced to death with reprieve", 29 Disember 2023, [english.news.cn/20231229/d93ef89e983b4d23a13e60f02749e3d3/c.html](http://english.news.cn/20231229/d93ef89e983b4d23a13e60f02749e3d3/c.html)

<sup>11</sup> Radio Free Asia, "Publicly executed for killing a woman while trying to steal beans", 23 Disember 2023, [rfa.org/english/news/korea/public-execution-12222023162046.html](http://rfa.org/english/news/korea/public-execution-12222023162046.html)

<sup>12</sup> Daily NK, *Pyongyang Cultural Language Protection Act*, Januari 2023, [dailynk.com/english/wp-content/uploads/sites/2/2023/03/Pyongyang-Cultural-Language-Protection-Act\\_English-and-Korean-Versions\\_Daily-NK.pdf](http://dailynk.com/english/wp-content/uploads/sites/2/2023/03/Pyongyang-Cultural-Language-Protection-Act_English-and-Korean-Versions_Daily-NK.pdf)

<sup>13</sup> Amnesty International, *Viet Nam: Halt imminent execution of Le Van Manh and order investigation into allegations of torture* (Urgent Action, ASA 41/2737/2015), 25 Oktober 2015, [amnesty.org/en/documents/asa41/2737/2015/en/](http://amnesty.org/en/documents/asa41/2737/2015/en/)

<sup>14</sup> Radio Free Asia, "Vietnam executes death row prisoner Le Van Manh", 23 September 2023, [rfa.org/english/news/vietnam/manh-executed-09232023053849.html](http://rfa.org/english/news/vietnam/manh-executed-09232023053849.html)

**Afghanistan.**<sup>15</sup> Di **Bangladesh**, lima orang telah dihukum mati kerana membunuh, lebih satu daripada yang direkodkan oleh Amnesty International pada 2022. Pelaksanaan hukuman mati di **Singapura** menurun daripada 11 pada 2022 kepada lima pada 2023, semuanya kerana pengedaran dadah, termasuk wanita pertama diketahui dikenakan hukuman mati dalam tempoh 20 tahun.<sup>16</sup> Kelima-lima mereka adalah orang yang telah dijatuhi hukuman mati mandatori, termasuk dua yang telah didapati oleh hakim telah memenuhi keperluan "kurier" di bawah undang-undang, tetapi tidak berhak kepada hukuman mengikut budi bicara kerana pihak pendakwaan tidak mengeluarkan mereka sijil kerjasama dalam mengganggu aktiviti pengedaran dadah selanjutnya.<sup>17</sup> Tiada hukuman mati direkodkan di Jepun, di mana seorang lelaki dihukum mati pada 2022, atau di Myanmar, di mana empat lelaki telah dibunuh oleh pihak berkuasa tentera pada 2022.

Amnesty International merekodkan 948 hukuman mati baharu yang dikenakan di rantau ini, berdasarkan maklumat yang ada. Ini mewakili kenaikan 10% berbanding 2022, apabila sekurang-kurangnya 861 orang diketahui telah dijatuhi hukuman mati. Peningkatan itu kebanyakannya dikaitkan dengan jumlah hukuman mati yang lebih tinggi yang direkodkan oleh Amnesty International untuk Bangladesh (sekurang-kurangnya 248 pada 2023, berbanding sekurang-kurangnya 169 pada 2022); Sri Lanka (sekurang-kurangnya 40 pada 2023 berbanding sekurang-kurangnya lapan pada 2022); dan Thailand, di mana angka rasmi yang diterima oleh organisasi itu menunjukkan peningkatan sebanyak 18%, daripada 104 pada 2022 kepada 123 pada 2023.<sup>18</sup>

Penurunan dalam hukuman mati baharu yang dikenakan oleh mahkamah sesyen direkodkan di India. Angka mengikut Project 39A menunjukkan bahawa sesi daerah mengenakan 120 hukuman mati pada 2023, turun daripada 165 pada 2022 (penurunan 27%). Daripada jumlah ini, lebih separuh (64) berkaitan dengan pembunuhan yang melibatkan kesalahan seksual; 42 untuk membunuh; dan 10 kepada kesalahan berkaitan keganasan. Hukuman mati yang direkodkan pada 2023 juga jauh lebih rendah di Myanmar (sekurang-kurangnya 19 berbanding sekurang-kurangnya 37 tahun sebelumnya) – 14 daripadanya telah dikenakan oleh mahkamah yang dikawal oleh tentera dalam prosiding rahsia dan sangat tidak adil, tanpa hak untuk merayu. Berikutan pengeluaran Perintah Undang-undang Tentera 3/2021, tentera telah memindahkan kuasa daripada mahkamah awam kepada tribunal khas tentera atau sedia ada untuk membicarakan kes orang awam di beberapa perbandaran.

Di Malaysia, sekurang-kurangnya 18 hukuman mati baharu diketahui telah dikenakan sebelum pindaan perundangan yang memansuhkan hukuman mati mandatori yang berkuat kuasa pada 4 Julai, dan 20

<sup>15</sup> Dengan menembak. Pada Mei 2023, pihak berkuasa Taliban seterusnya mengumumkan bahawa mereka akan mula melaksanakan hukuman mati terhadap wanita dengan merejam. Pejabat Pesuruhjaya Tinggi PBB bagi Hak Asasi Manusia, "Afghanistan: UN experts appalled by Taliban announcement on capital punishment", 11 Mei 2023, [ohchr.org/en/press-releases/2023/05/afghanistan-un-experts-appalled-taliban-announcement-capital-punishment](https://ohchr.org/en/press-releases/2023/05/afghanistan-un-experts-appalled-taliban-announcement-capital-punishment)

<sup>16</sup> Amnesty International, "Singapore: Unlawful and shameful drug executions continue, including of first known woman in 20 years", 28 Julai 2023, [amnesty.org/en/latest/news/2023/07/singapore-unlawful-and-shameful-drug-executions-continue-including-of-first-known-woman-in-20-years/](https://amnesty.org/en/latest/news/2023/07/singapore-unlawful-and-shameful-drug-executions-continue-including-of-first-known-woman-in-20-years/)

<sup>17</sup> Untuk maklumat lanjut tentang keperluan yang diperlukan untuk mengelakkan hukuman mati mandatori di Singapura, lihat Amnesty International, "Singapore: Cooperate or die: Singapore's flawed reforms to the mandatory death penalty" (ACT 50/7158/2017), Oktober 2017, [amnesty.org/en/documents/act50/7158/2017/en/](https://amnesty.org/en/documents/act50/7158/2017/en/)

<sup>18</sup> Angka ini merujuk kepada hukuman mati yang dikenakan oleh mahkamah pertama, termasuk satu hukuman mati yang dikenakan oleh mahkamah tentera.

selepas itu. Perlu diberi perhatian, 14 hukuman mati baharu direkodkan bagi kesalahan berkaitan dadah sebelum Julai dan enam untuk baki tahun ini.

Hukuman mati digunakan secara meluas di rantau ini untuk kesalahan yang tidak memenuhi ambang "jenayah paling serius" yang mana penggunaan hukuman mati mesti dihadkan di bawah undang-undang antarabangsa.<sup>19</sup> Hukuman mati terhadap orang yang disabitkan kesalahan berkaitan dadah direkodkan di China dan Singapura dan juga dipercayai dilakukan di Viet Nam.

Hukuman mati yang baru berkaitan dadah diketahui telah dikenakan di: Bangladesh (1); Indonesia (99 atau 86% daripada hukuman mati yang direkodkan); Laos (4 atau 100%); Malaysia (20 atau 53%);<sup>20</sup> Singapura (6 atau 100%);<sup>21</sup> Sri Lanka (6 atau 15%) dan Viet Nam (100 atau 82%). Walaupun pecahan mengikut kesalahan khusus tidak dikongsi untuk hukuman mati, maklumat rasmi yang diterima untuk bilangan orang yang di bawah hukuman mati di Thailand menunjukkan peningkatan jumlahnya (325) sebanyak 67% berbanding 2022 (195), dengan peningkatan ketara 64% dikaitkan dengan mereka yang berada di hukuman mati yang disabitkan dengan kesalahan berkaitan dadah (199, termasuk 26 wanita, pada 2023, berbanding 121, termasuk 14 wanita, pada 2022).

Mahkamah di China mengenakan hukuman mati ke atas jenayah ekonomi, seperti rasuah, yang juga tidak memenuhi ambang "jenayah paling serius" di bawah undang-undang dan piawaian antarabangsa. Amnesty International merekodkan lima kes membabitkan bekas pegawai yang disabitkan kesalahan rasuah di China dan menerima hukuman mati "digantung" – dengan kemungkinan ditukar selepas dua tahun – sejajar dengan peningkatan ketara yang dicatatkan dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Hukuman berkaitan kesalahan seksual yang tidak mengakibatkan kematian, yang juga tidak memenuhi ambang "jenayah paling serius", direkodkan di beberapa negara termasuk Bangladesh dan Pakistan.

Amnesty International merekodkan sembilan hukuman mati baharu yang dikenakan di Pakistan kerana "mengeluarkan kata-kata kufur", satu perbuatan yang tidak merupakan kesalahan jenayah yang boleh dikenali yang mematuhi keperluan di bawah undang-undang hak asasi manusia antarabangsa.

Orang yang berumur di bawah 18 tahun pada masa mereka disabitkan kesalahan kekal di bawah hukuman mati di Maldives.

Amnesty International kekal bimbang bahawa prosiding tidak memenuhi piawaian antarabangsa untuk perbicaraan yang adil di beberapa negara di rantau ini. Hukuman mati telah dijatuhkan oleh mahkamah yang ditubuhkan di bawah undang-undang darurat atau untuk membicarakan kesalahan tertentu dan bukannya mahkamah biasa, termasuk melalui prosiding yang dipercepatkan di Bangladesh dan Pakistan.<sup>22</sup> Di Bangladesh, 21 hukuman mati telah dikenakan ke atas orang yang disabitkan kesalahan dan dijatuhkan hukuman oleh Tribunal Jenayah Antarabangsa yang kontroversi, sebuah mahkamah

<sup>19</sup> Lihat hlm. 3, gambaran keseluruhan global untuk maklumat yang lebih terperinci.

<sup>20</sup> Apa yang penting, tiada pengesahan yang diketahui mengenai hukuman mati bagi kesalahan berkaitan dadah oleh Mahkamah Persekutuan yang direkodkan selepas kuasa budi bicara kehakiman penuh bagi kesalahan mengedar dadah diperkenalkan.

<sup>21</sup> Keenam-enamnya adalah hukuman mati mandatori. Dalam satu kes, hakim mendapati defendant telah memenuhi keperluan "kurier" tetapi pihak pendakwaan tidak mengeluarkan sijil bantuan substantif.

<sup>22</sup> Pelapor Khas PBB mengenai hukuman mati, ringkasan, atau sewenang-wenangnya menyatakan bahawa mahkamah tentera dan mahkamah khas lain "tidak sesuai untuk memastikan pematuhan penuh dengan piawaian perbicaraan yang adil seperti yang diperlukan dalam kes besar" dan "tidak sepautnya mempunyai kuasa untuk menjatuhkan hukuman mati." *Report of the Special Rapporteur on extrajudicial, summary, or arbitrary executions*, UN Doc. A/67/275, 9 Ogos 2012, para. 33.

yang ditubuhkan untuk menyiasat pelanggaran hak asasi manusia berskala besar yang dilakukan semasa Perang Kemerdekaan Bangladesh 1971;<sup>23</sup> dan 30 lagi oleh mahkamah khas, seperti Tribunal Pencegahan Penindasan Wanita dan Kanak-kanak.

Pelapor Khas PBB mengenai situasi hak asasi manusia di Afghanistan menyatakan kebimbangan serius "tentang keadilan perbicaraan sebelum hukuman mati. Tiada indikasi bahawa individu ini mempunyai akses kepada peguam bela dan jika hak proses wajar mereka ditegakkan semasa prosiding mahkamah" di Afghanistan.<sup>24</sup>

Di Jepun, Mahkamah Tinggi Tokyo memutuskan pada 13 Mac bahawa Hakamada Iwao yang ketika itu berusia 87 tahun harus diberikan perbicaraan semula – sembilan tahun selepas mahkamah daerah Shizuoka mula-mula membuat keputusan ini.<sup>25</sup> Hakamada Iwao telah disabitkan kesalahan dalam perbicaraan yang tidak adil dan dijatuhkan hukuman mati pada tahun 1968. Beliau menghabiskan lebih 45 tahun sebagai banduan akhir, sebahagian besarnya dalam kurungan bersendirian. Perbicaraan semula bermula pada 27 Oktober 2023.<sup>26</sup>

Di beberapa negara, undang-undang telah diterima pakai untuk meluaskan skop hukuman mati atau memudahkan penggunaannya:

- Di India, pada 20 Disember Parlimen menerima pakai kanun jenayah baharu yang memperluaskan bilangan kesalahan yang boleh dihukum mati daripada 12 kepada 18.<sup>27</sup>
- Pada 11 Mei, Majlis Pentadbiran Negeri Myanmar menerima pakai Akta Senjata, yang menjadikan pemilikan senjata milik negara yang menyalahi undang-undang boleh dihukum mati.<sup>28</sup>
- Pada 25 September, Perhimpunan Kebangsaan Republik Korea (Korea Selatan) menerima pakai pindaan perundangan kepada Akta Jenayah untuk meningkatkan hukuman bagi

<sup>23</sup> Amnesty International tidak memantau perbicaraan dalam kes ini secara khusus, tetapi ia telah lama menimbulkan kebimbangan mengenai penubuhan Mahkamah dan keadilan prosidingnya. Lihat contohnya Amnesty International, "Bangladesh: Two opposition leaders face imminent execution after serious flaws in their trials and appeals", 27 Oktober 2015, tersedia di [amnesty.org/en/latest/news/2015/10/bangladesh-imminent-executions/](https://www.amnesty.org/en/latest/news/2015/10/bangladesh-imminent-executions/); "Bangladesh: Nizami execution will not deliver justice", 10 Mei 2016, [amnesty.org/en/latest/press-release/2016/05/bangladesh-nizami-execution-will-not-deliver-justice/](https://www.amnesty.org/en/latest/press-release/2016/05/bangladesh-nizami-execution-will-not-deliver-justice/)

<sup>24</sup> UN General Assembly, *Situation of human rights in Afghanistan – Report of the Special Rapporteur on the situation of human rights in Afghanistan*, Richard Bennett, UN Doc.A/78/338, 1 September 2023, para.32

<sup>25</sup> Amnesty International, "Japan: Retrial ruling is step towards justice for world's 'longest-serving' death row prisoner", 13 Mac 2023, [amnesty.org/en/latest/news/2023/03/japan-retrial-ruling-is-step-towards-justice-for-worlds-longest-serving-death-row-prisoner/](https://www.amnesty.org/en/latest/news/2023/03/japan-retrial-ruling-is-step-towards-justice-for-worlds-longest-serving-death-row-prisoner/)

<sup>26</sup> Asahi Shimbun, "Retrial starts for former death row inmate Hakamada", 27 Oktober 2023, [asahi.com/ajw/articles/15040093](https://www.asahi.com/ajw/articles/15040093)

<sup>27</sup> Project 39A, Bharatiya Nyaya Sanhita Bill - A Substantive Analysis, 2023, ms. 18, <https://p39ablog.com/2023/08/bharatiya-nyaya-sanhita-bill-2023-a-substantive-analysis/>

<sup>28</sup> Burma News International, "Military council adopts Arms Act that carries death penalty", 15 Mei 2023, <https://www.bnionline.net/en/news/military-council-adopts-arms-act-carries-death-penalty>

pembunuhan atau pembuangan bayi dan memasukkan hukuman mati sebagai hukuman maksimum.<sup>29</sup>

Pindaan di Korea Selatan berikut pengumuman pada 30 Ogos oleh Menteri Kehakiman, Han Dong-hoon, bahawa beliau telah mengarahkan pihak berkuasa kemudahan pemulihan di seluruh negara untuk menjalankan pemeriksaan ke atas bilik pelaksanaan hukuman bagi memastikan ia diselenggara dengan baik.;<sup>30</sup> dan kelulusan oleh Kabinet untuk rang undang-undang bagi menghapuskan klausu dalam Akta Jenayah yang mensyaratkan hukuman mati tidak boleh dilaksanakan selepas 30 tahun sejak ia dijatuhi.<sup>31</sup>

Perkembangan ketara ke arah pemansuhan hukuman mati juga direkodkan di rantau Asia-Pasifik pada tahun tersebut. Pemansuhan hukuman mati bagi kesalahan berkaitan dadah berkuat kuasa di Pakistan pada Julai.<sup>32</sup>

Pada 4 Julai 2023, Pemansuhan Akta Hukuman Mati Mandatori 2023 (Akta 846) berkuat kuasa di Malaysia, memansuhkan hukuman mati mandatori dan memperkenalkan hukuman berdasarkan budi bicara bagi semua kesalahan yang terpakai.<sup>33</sup> Sejak itu, defendant yang disabitkan oleh Mahkamah Tinggi atas kesalahan besar mempunyai kemungkinan dijatuhi hukuman mati atau hukuman alternatif iaitu penjara antara 30 hingga 40 tahun dan sebat;<sup>34</sup> atau hukuman mati mereka yang sedia ada diringankan sebagai sebahagian daripada rayuan biasa mereka di hadapan Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan. Undang-undang yang berkuat kuasa pada 12 September 2023 juga memberikan bidang kuasa khas kepada Mahkamah Persekutuan untuk menghukum 1,020 individu di bawah hukuman mati atau pemenjaraan sepanjang hayat yang telah ketandusan prosiding kehakiman biasa mereka.<sup>35</sup> Penilaian awal oleh Amnesty International dalam tempoh enam bulan pertama sejak mahkamah Malaysia diberikan kuasa budi bicara dalam menjatuhkan hukuman menggambarkan penurunan ketara dalam bilangan hukuman mati yang dikenakan atau dikekalkan.<sup>36</sup>

---

<sup>29</sup> The National Assembly of the Republic of Korea, “Plenary Results – Plenary passes 51 bills including amendment to the Criminal Act”, 25 September 2023, <https://korea.assembly.go.kr:447/portalEn/bbs/B0000170/view.do?nttId=2583361&menuNo=1500099&sdate=&edate=&searchDtGbn=c0&pageUnit=10&pdCndCd=A&pageIndex=1>

<sup>30</sup> Yonhap News, “Justice minister orders proper maintenance of execution facilities”, 30 Ogos 2023, <https://en.yna.co.kr/view/AEN20230830007200315>

<sup>31</sup> Korea Herald, “Cabinet approves bill to remove sunset clause for death sentence”, 5 Jun 2023, <https://www.koreaherald.com/view.php?ud=20230605000586>

<sup>32</sup> Pakistan Today, “Pakistan ends capital punishment for drug trafficking convicts”, 26 Julai 2023, <https://www.pakistantoday.com.pk/2023/07/26/pakistan-ends-capital-punishment-for-drug-trafficking-convicts/>

<sup>33</sup> Akta 846 juga memansuhkan hukuman penjara untuk kehidupan semula jadi.

<sup>34</sup> Di bawah seksyen 289 Kanun Tatacara Jenayah, lelaki berumur 50 tahun ke atas dan wanita dikecualikan daripada hukuman sebat.

<sup>35</sup> Menurut angka yang dikeluarkan oleh Datuk Seri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), kesemua 1,020 individu yang layak telah memohon untuk dihukum semula pada 17 November 2023. *The Star*, “1,020 applications to review death penalty and life imprisonment cases filed”, 17 November 2023, [thestar.com.my/news/nation/2023/11/17/1020-applications-to-review-death-penalty-and-life-imprisonment-cases-filed-says-ramkarpal](https://thestar.com.my/news/nation/2023/11/17/1020-applications-to-review-death-penalty-and-life-imprisonment-cases-filed-says-ramkarpal)

<sup>36</sup> Amnesty International, “Malaysia: First six months of sentencing discretion underscore urgent need for indefinite extension of moratorium on executions” (ACT 50/7750/2024), 26 Februari 2024, <https://www.amnesty.org/en/documents/act50/7750/2024/en/>

Pada Februari, Peguam Negara Sri Lanka memaklumkan Mahkamah Agung bahawa Presiden Ranil Wickremesinghe telah memutuskan untuk tidak membenarkan pelaksanaan hukuman mati.<sup>37</sup>

---

<sup>37</sup> Adaderana.lk, “Supreme Court informed of President’s decision on death penalty”, 23 Februari 2023, <https://www.adaderana.lk/news.php?nid=88603>